



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28/6/2011

10 sukarelawan Malaysia sertai pasukan 8 negara



SEPULUH sukarelawan Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan International Freedom Flotilla II, dijangka belayar dari Greece hari ini menaiki kapal penumpang yang turut disertai aktivis keamanan dan sukarelawan dari lapan negara.

Mereka antara 65 penumpang pelbagai latar belakang dari Switzerland, Jerman, Belanda, Itali, Russia, Amerika Syarikat, Turki dan Malaysia yang akan menaiki kapal menggunakan bendera Greece.

Kapal penumpang yang belum didedahkan nama rasmi dan lokasi berlabuh, dibiayai lima negara iaitu, Malaysia, Itali, Switzerland, Jerman dan Belanda dengan pertubuhan Eropae Campaign to End the Siege on Gaza (ECE-SG) dari Switzerland bertindak sebagai badan bukan kerajaan (NGO) peneraju.

Sehingga berita ini ditulis, dua kapal flotilla kemanusiaan dari Perancis dan Kanada telah berlepas dari pelabuhan dan dijangka bergabung dengan kapal lain di satu titik pertemuan di Laut Mediterranean dalam masa terdekat.

Pengerusi Lifeline4Gaza (LL4G), Dr Noorazman Mohd

Samsuddin berkata, kapal yang dinaiki sukarelawan Malaysia dikategorikan sebagai kapal antarabangsa kerana membabitkan penumpang dari lapan negara, selain menjadi kapal penumpang terbesar menyertai edisi kedua flotilla kemanusiaan itu.

"Kita jangka antara sembilan hingga 10 kapal, termasuk dua kapal kargo akan meneruskan flotilla ke Gaza. Setakat ini, dua kapal sudah berlepas, kapal lain termasuk dari Amerika akan belayar tak lama lagi," katanya kepada wakil *Berita Harian* yang turut menyertai misi itu, semalam.

Pasukan sukarelawan Malaysia yang turut disertai Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin tiba di Athens jam 11.45 malam Ahad dan kini menjalani latihan persediaan pelayaran sebelum berlepas. Seorang anggota flotilla yang berasal dari Tur-

ki berkata latihan intensif diwajibkan bagi setiap peserta Freedom Flotilla II sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan.

Pasukan Malaysia disertai tiga wakil NGO, iaitu Dr Noorazman yang mewakili jawatankuasa pemandu flotilla antarabangsa, Pengerusi Aman Malaysia Datuk Ahmad Zaki Zahid dan Setiausaha Agung Pertubuhan Al Ihsan Islamiah Malaysia, Ismail Darus dan seorang pakar kecemasan dari Hospital Sungai Buloh, Dr Wee Tong Ming.

Ia turut dianggotai lima wakil media, iaitu Nazri Kahar dan Wan Yusani Amir dari Astro Awani dan Syafiq Zulakifli serta Azhary Ahmad dari TV Al-Hijrah serta penulis.

Rejim zionis Israel telah meningkatkan tekanannya kepada negara Mediterranean, termasuk Greece, bagi menghalang momentum misi kemanusiaan yang disertai lebih 1,000 sukarelawan dari 20 negara selepas kapal penumpang, MV Mavi Marmara, yang sepatutnya mengejutkan pelayarannya atas sebab-sebab teknikal.

Malah, kapal pilihan per lama sukarelawan Malaysia yang menggunakan bendera Scotland dipercayai disabotaj pihak tertentu menyebabkan ia tidak dapat belayar seperti dirancang.

